

28 AUG 2003

SARAWAK-MONOREL/I (Bergambar)

SYKT MSIA METERAI MOU DENGAN INDONESIA BANGUNKAN JMP

KUCHING, 28 Ogos (Bernama) -- Syarikat Malaysia, MTrans Holdings Sdn Bhd, yang membangunkan projek KL Monorel yang menelan kos jutaan ringgit, akan sama-sama memajukan Projek Monorel Jakarta (JMP) bersepadu dengan rakan kongsinya di Indonesia.

Projek usaha sama dengan PT Indonesia Transit Central (PT ITC) akan menyaksikan syarikat Indonesia itu memperolehi konsesi bagi pelaksanaan JMP yang bernilai RM1.52 bilion (AS\$400 juta).

Kedua-dua buah syarikat berkenaan hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Kerajaan Bandar Jakarta di mana pembinaan dijangka bermula pada suku pertama tahun depan.

Majlis menandatangani MOU itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri yang terdahulu hari ini telah mengadakan perbincangan dua hala di Hotel Hilton di sini.

Gubernur Sutiyoso, mewakili Kerajaan Bandar Jakarta pada majlis pemeteraian MOU itu sementara PT ITC diwakili oleh ketua pegawai eksekutifnya Ruslan Diwirjo. MTrans Holdings pula oleh ketua pegawai eksekutifnya David Chew.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Chew berkata MTrans akan menguasai agihan ekuiti yang besar untuk memajukan projek berkenaan.

"Tidak ada pembida untuk projek itu. Projek itu akan siap dalam tempoh dua setengah tahun," kata beliau.

Projek itu akan turut menyaksikan MTrans sebagai pembekal teknologi untuk sistem monorel, kata beliau.

Presiden Megawati dan Dr Mahathir, kedua-duanya gembira dengan usaha sama itu yang boleh menjuruskan kepada meningkatnya hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia. -- BERNAMA

FLL MT SD AA